

# LAWATAN RASMI SENIOR LIEUTENANT GENERAL PHAN VAN GIANG KE KEMENTERIAN PERTAHANAN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3139-lawatan-rasmi-senior-lieutenant-general-phan-van-giang-ke-kementerian-pertahanan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3139-lawatan-rasmi-senior-lieutenant-general-phan-van-giang-ke-kementerian-pertahanan)

KUALA LUMPUR, 6 Mac 18 – *Senior Lieutenant General Phan Van Giang, Chief of The General Staff Vietnam Peoples's Army* yang juga merangkap Timbalan Menteri Pertahanan Vietnam telah mengadakan lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan hari sempena lawatannya ke Malaysia.

Dalam lawatan ini, *Senior Lieutenant General Phan Van Giang* telah diberi penghormatan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama serta diperkenalkan kepada Pegawai-Pegawai Kanan ATM yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan.

Turut hadir menyambut kedatangan *Senior Lieutenant General Phan Van Giang* adalah Panglima Tentera Udara, YBhg Jeneral Tan Sri Hj Affendi bin Buang TUDM serta Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain.

Dalam rangka lawatannya di sini, *Senior Lieutenant General Phan Van Giang* turut melaksanakan kunjungan hormat ke atas Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor. Pertemuan dua hala ini dapat mengeratkan lagi kerjasama dari segi diplomatik pertahanan di antara dua Negara.

